05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KAEDAH PENGAJARAN GURU KELAS AL QURAN FARDU AIN DI NEGERI PERAK

SITI KHADIJAH BINTI ISHAK

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KAEDAH PENGAJARAN GURU KELAS AL QURAN FARDU AIN DI NEGERI PERAK

SITI KHADIJAH BINTI ISHAK

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM) (MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (√)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 12 (hari bulan) 12 (bulan) 2023

i. Perakuan pelajar :

Saya, SITI KHADIJAH BINTI ISHAK (M20181001763) (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KAEDAH PENGAJARAN GURU KELAS AL-QURAN FARDU AIN DI NEGERI PERAK

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Prof Dr Azmil Hashim (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Kaedah Pengajaran Guru Kelas Al Quran Fardhu Ain di Negeri Perak.

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Islam) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

2/1/2024
Tarikh

Tandatangan Penyelia

PROF. DR. AZMIL BIN HASHIM
JABATAN PENGAJIAN ISLAM
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UPSI/IPS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s:1/1

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / *Title*: KAEDAH PENGAJARAN GURU KELAS AL-QURAN FARDU AIN DI NEGERI PERAK

No. Matrik /*Matric's No.*: M20182001763

Saya / *I* : SITI KHADIJAH BINTI ISHAK

(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
   The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
   Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (√) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (√) for category below:-*

☐ **SULIT/*CONFIDENTIAL*** — Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐ **TERHAD/*RESTRICTED*** — Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restircted information as specified by the organization where research was done.*

☑ **TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS***

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 2/1/2024

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)
PROF. DR. AZMIL BIN HASHIM
JABATAN PENGAJIAN ISLAM
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T, kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan. Alhamdulillah. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Profesor Dr. Azmil bin Hashim, selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik dan pendidik yang baik. Terima kasih kepada pihak institusi kajian, Universiti Pendidikan Sultan Idris, kerana telah memberi sokongan penuh dalam kerja lapangan dan memudahkan proses untuk mendapatkan data. Ribuan terima kasih kepada ibu yang saya hormati, Pn. Siti Norhaya binti Zakaria yang sentiasa memberi kasih sayang, dorongan, doa, peringatan dan panduan hidup yang amat saya perlukan. Ucapan terima kasih kepada suami tersayang, Encik Fadhil Syafiq bin Mustafa Kamal atas kesabaran, sokongan, bantuan, toleransi, cinta dan doa, sehingga tesis dan pengajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi dan akan saya ingati sepanjang hayat ini. Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Tahap pengajaran dan pembelajaran (P&P) guru Kelas Al-Quran Fardhu Ain (KAFA) boleh dipersoalkan kerana masih di tahap yang minima antaranya dalam aspek bahan bantu mengajar (BBM), perlaksanaan strategi, kaedah pengajaran, amalan pengajaran, dan profesionalisme. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kaedah pengajaran guru KAFA terhadap pelajar-pelajar sekolah agama rakyat di Perak. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan yang melibatkan pensampelan kuantitatif untuk 160 orang guru sekolah agama rakyat daerah Muallim dan Batang Padang di negeri Perak. Instrumen soal selidik dibina oleh penyelidik dan disahkan kandungannya oleh tiga (3) orang panel pakar bidang. Tahap nilai kebolehpercayaan *alpha Cronbach* bagi semua bahagian dalam soal selidik adalah tinggi iaitu 0.978. Tiga aspek yang dikaji berkaitan kaedah pengajaran guru iaitu jantina, tahap pendidikan, dan pengurusan pengajaran. Manakala, tiga aspek yang dikaji berkaitan pengurusan pengajaran adalah jantina, tahap pendidikan, dan hubungan antara kaedah pengajaran. Data kuantitatif dianalisis secara deskriptif menggunakan *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* versi 26.0 untuk mendapatkan nilai kekerapan,peratuan, nilai skor min dan sisihan piawai. Hasil kajian menunjukkan tiga (3) konstruk dalam kaedah pengajaran guru KAFA yang mendapat nilai tertinggi adalah peniruan (*Muhakah* atau *Taklid*) dengan nilai min =62.69; s.p=6.76. Kedua tertinggi adalah pandang dengar *(Talqin)* dengan nilai min =61.81; s.p=7.81. Ketiga tertinggi adalah percubaan *(Al-Tajribah)* dengan nilai min =60.27; s.p=7.17. Selanjutnya nilai terendah pula adalah pengajaran secara berperingkat dan beransur-ansur *(Tadrij)* dengan nilai min =48.36; s.p=6.00. Manakala, daripada bagi kategori pengurusan pengajaran, terdapat tiga (3) konstruk yang memperolehi nilai tertinggi iaitu persediaan rancangan kerja dengan nilai min =43.66; s.p=4.73. Kedua tertinggi adalah rancangan dan pelaksanaan pelajaran dengan nilai min =43.23; s.p=4.82. Ketiga tertinggi adalah kaedah penilaian pengajaran dan pembelajaran dengan nilai min =43.09; s.p=4.80. Nilai terendah pula adalah sumber pengajaran dan pembelajaran dengan nilai min =39.48; s.p=6.14. Implikasi kajian ini menunjukkan guru perlu memilih pendekatan yang bersesuaian dengan topik dan konsep pengajaran dan pembelajaran serta profesionalisme guru perlu dimantapkan lagi melalui kursus latihan yang berkala dan berfokus.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TEACHING METHODS OF AL QURAN AND FARDU AIN CLASS TEACHERS IN PERAK STATE

ABSTRACT

The level of teaching and learning (P&P) of Fardhu Ain's Al-Quran Class teacher (KAFA) can be questioned because it is still at a minimal level including in the aspects of teaching aids (BBM), implementation of strategies, teaching methods, teaching practices, and professionalism. This study aims to examine the teaching methods of KAFA teachers to religious school students in Perak. This study uses a survey method that involves quantitative sampling for 160 religious school teachers in Muallim and Batang Padang districts in the state of Perak. The questionnaire instrument was constructed by the researcher and its content was verified by three (3) experts panelists. Cronbach's alpha reliability level for all parts of the questionnaire is high which is 0.978. Three aspects that were studied related to teachers' teaching methods, namely gender, level of education, and teaching management. Meanwhile, the three aspects studied related to teaching management are gender, level of education, and the relationship between teaching methods. Quantitative data were analyzed descriptively using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 26.0 to obtain frequency values, correlations, mean score values and standard deviations. The results of the study show that three (3) constructs in the teaching method of KAFA teachers that get the highest value are imitation (Muhakah or Taklid) with a mean value of 62.69; s.p=6.76. The second highest is sight hearing (Talqin) with a mean value of 61.81; s.p=7.81. The third highest is experiment (Al-Tajribah) with a mean value of 60.27; s.p=7.17. Furthermore, the lowest value is teaching in stages and gradually (Tadrij) with a mean value of 48.36; s.p=6.00. Whereas, from the category of teaching management, there are three (3) constructs that obtained the highest value, which are work plan preparation with a mean value of 43.66; s.p=4.73. The second highest is lesson planning and implementation with a mean value of 43.23; s.p=4.82. The third highest is the teaching and learning assessment method with a mean value of 43.09; s.p=4.80. The lowest value is teaching and learning resources with a mean value of 39.48; s.p=6.14. The implications of this study show that teachers need to choose an approach that is appropriate to the topic and concept of teaching and learning and the professionalism of teachers needs to be strengthened through regular and focused training courses.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ISI KANDUNGAN

		Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN		i
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI		ii
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		iv
ABSTRACT		v
ISI KANDUNGAN		vi
SENARAI JADUAL		xi
SENARAI RAJAH		xiii
SENARAI SINGKATAN		xiv
BAB 1	**PENGENALAN**	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	2
	1.3 Pernyataan Masalah	6
	1.4 Tujuan Kajian	11
	1.5 Objektif Kajian	11
	1.6 Persoalan Kajian	12
	1.7 Hipotesis Kajian	12
	1.8 Kerangka Teori Kajian	13
	1.9 Kerangka Konseptual Kajian	15

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Kepentingan Kajian 17

1.11 Batasan Kajian 18

1.12 Definisi Operasi Kajian 19

1.12.1 Kaedah Pengajaran 19

1.13 Rumusan Bab 19

BAB 2 ULASAN KEPUSTAKAAN

2.1 Pendahuluan 21

2.2 Kaedah Pengajaran 22

2.3 Teori kaedah pengajaran menurut Ibnu Khaldun 23

2.3.1 Pandang dengar (*Talqin)* 23

2.3.2 Pengajaran secara berperingkat *(Tadrij)* 24

2.3.3 Peniruan (*Muhakah* atau *taklid)* 25

2.3.4 Percubaan (*Al-Tajribah)* 25

2.3.5 Pengulangan *(Al-Tikrar)* 26

2.4 Kaedah Pengajaran Berdasarkan Al- Quran 27

2.4.1 Kaedah pengajaran berdasarkan penurunan Al-Quran kepada Rasulullah dan surah Al-Alaq 27

2.4.2 Kaedah pengajaran berdasarkan surah Al-Fatihah 30

2.4.3 Kaedah soal jawab berdasarkan surah Al-Waqiah 32

2.4.4 Kaedah pengajaran perbincangan berdasarkan surah Al-Anfal 33

2.4.5 Kaedah pengajaran perdebatan berdasarkan surah Al-Baqarah 35

2.4.6 Kaedah pengajaran pemerhatian daripada surah Al-Maaidah 36

2.4.7 Kaedah pengajaran qudwah hasanah 38

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berdasarkan surah Al-Imran

2.4.8 Kaedah pengajaran praktikal berdasarkan surah Al-Ahzab 39

2.5 Pengurusan pengajaran 43

2.6 Kajian-kajian lepas 45

2.7 Kesimpulan 49

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan 50

3.2 Reka bentuk kajian 51

3.3 Populasi dan sampel kajian 51

3.4 Tempat kajian 52

3.5 Instrumen kajian 52

3.5.1 Soal selidik 52

3.5.2 Skala jawapan responden 53

3.6 Kesahan dan kebolehpercayaan alat kajian 54

3.6.1 Kajian rintis 55

3.6.2 Kebolehpercayaan soal selidik pelajar 57

3.7 Prosedur pengumpulan data 58

3.8 Prosedur analisis data 59

3.9 Rumusan 59

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan 60

4.2 Latar Belakang Responden 61

4.3 Kebolehpercayaan Data Sebenar 64

4.4 Tahap Kaedah Pengajaran Guru Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain 65

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	4.4.1	*Al-Tikrar* Atau Pengulangan	66
	4.4.2	*Al-Tajribah* Atau Percubaan	68
	4.4.3	Peniruan *(Muhakah* Atau *Taklid*)	70
	4.4.4	Pengajaran Secara Berperingkat Dan Beransur-Ansur (*Tadrij*)	72
	4.4.5	Pandang Dengar (*Talqin*)	73
4.5		Tahap Pengurusan Pengajaran Dalam Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain	75
	4.5.1	Persediaan Rancangan Kerja	76
	4.5.2	Penentuan Objektif/ Hasil Pelajaran	77
	4.5.3	Sumber Pengajaran Dan Pembelajaran	78
	4.5.4	Rancangan Dan Pelaksanaan Pelajaran	79
	4.5.5	Kaedah Penilaian Pengajaran Dan Pembelajaran	80
4.6		Analisis Perbezaan Antara Kaedah Pengajaran Berdasarkan Jantina Dan Kelulusan Akademik	82
	4.6.1	Analisis Perbezaan Antara Kaedah Pengajaran Berdasarkan Jantina	82
	4.6.2	Analisis Perbezaan Antara Kaedah Pengajaran Berdasarkan Kelulusan Akademik	83
4.7		Analisis Perbezaan Antara Pengurusan Pengajaran Guru Berdasarkan Jantina Dan Kelulusan Akademik	84
	4.7.1	Analisis Perbezaan Antara Pengurusan Pengajaran Guru Berdasarkan Jantina	84
	4.7.2	Analisis Perbezaan Antara Pengurusan Pengajaran Guru Berdasarkan KelulusanAkademik	85

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	4.8	Hubungan Antara Kaedah Pengajaran Guru Dengan Pengurusan Pengajaran	87
	4.9	Kesimpulan	88
BAB 5	**PERBINCANGAN, CADANGAN, IMPLIKASI DAN KESIMPULAN**		
	5.1	Pengenalan	89
	5.2	Perbincangan dapatan kajian	90
	5.3	Implikasi terhadap kaedah pengajaran guru	100
	5.4	Cadangan kajian lanjut	102
	5.5	Kesimpulan	104
RUJUKAN			105
LAMPIRAN			108

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Struktur Soal Selidik	53
3.2	Skala Ordinal	54
3.3	Kebolehpercayaan Kaedah Pengajaran Guru	56
3.4	Kebolehpercayaan Pengurusan Pengajaran	57
4.1	Taburan Demografi Responden	62
4.2	Kebolehpercayaan Data Sebenar	64
4.3	Tahap Kaedah Pengajaran Guru Kelas al Quran dan Fardu Ain	65
4.4	Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Bagi Item (*Al-Tikrar)* Atau Pengulangan	67
4.5	Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Bagi Item (*Al-Tajribah)* Atau Percubaan	69
4.6	Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Bagi Item (*Muhakah/ Taklid*) Atau Peniruan	71
4.7	Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Bagi Item *(Tadrij)* Atau Pengajaran Secara Berperingkat Dan Beransur-Ansur	73
4.8	Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Bagi Item *(Talkin)* Atau Pandang Dengar	74
4.9	Tahap Pengurusan Pengajaran dalam Kelas Al Quran dan Fardu Ain	75
4.10	Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Bagi Item Persediaan Rancangan Kerja	76
4.11	Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Bagi Item Penentuan Objektif/ Hasil Pelajaran	77
4.12	Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Bagi Item Sumber Pengajaran Dan Pembelajaran	79
4.13	Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Bagi Item Rancangan Dan Pelaksanaan Pelajaran	80
4.14	Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Bagi Item Kaedah Penilaian Pengajaran Dan Pembelajaran	81
4.15	Ujian–t Perbezaan Kaedah Pengajaran Guru Berdasarkan Jantina	82

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.16	ANOVA Sehala Perbezaan Kaedah Pengajaran Guru Berdasarkan Kelulusan Akademik	83
4.17	Ujian–t Perbezaan Pengurusan Pengajaran Guru Berdasarkan Jantina	84
4.18	ANOVA Sehala Perbezaan Pengurusan Pengajaran Guru Berdasarkan Kelulusan Akademik	85
4.19	Ujian Post-Hoc Tukey Pengurusan Pengajaran Guru Berdasarkan Kelulusan Akademik	86
4.20	Hubungan Antara Kaedah Pengajaran Guru Dengan Pengurusan Pengajaran	87

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Teori Kaedah Pengajaran Menurut Ibnu Khaldun (Yusri, 2017)	14
1.2	Kerangka Konseptual (Raedah, 2013)	15

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

KAFA	Kelas al Quran Fardu Ain
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
UPKK	Ujian Penilaian Kelas KAFA
SRAI	Sijil Rendah Agama Islam
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
JAIPk	Jabatan Agama Islam Perak
PDP	Pengajaran dan Pembelajaran
MAMPU	Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A Surat Kebenaran Kajian
B Surat Pengesahan Penyelidikan
C Surat Memohon Kebenaran Kajian
D Borang Soal Selidik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Program Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) telah memberi penekanan tehadap pendidikan al-Quran dan matapelajaran asas Fardhu Ain. Pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sangat berhasrat untuk melihat kemenjadian murid yang terhasil daripada kelas KAFA berjaya menjadi seorang insan yang berakhlak mulia sepertimana yang telah dianjurkan oleh al-Quran dan as-Sunnah. Hal ini demikian kerana, murid-murid inilah yang bakal meneruskan kerja-kerja dakwah dan perkembangan syiar Islam di seluruh dunia pada suatu masa nanti. Justeru itu, peranan guru agama dengan menggunakan kaedah yang bersesuaian untuk mendidik sangat penting untuk menghasilkan kemenjadian murid itu (Muhd Amirul, 2021).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setiap guru perlu mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran yang sesuai dengan peredaran masa dan mendalami ilmu pengetahuan untuk mengurus pelajar dalam keadaan persekitaran kelas yang selesa. Kini, tugas untuk membentuk manusia yang beriman dan beramal soleh telah dipertanggungjawabkan kepada guru-guru agama. Oleh itu, guru-guru agama sangat perlu menguasai penggunaan kaedah pengajaran supaya dapat menyampaikan ilmu berkaitan matapelajaran agama dengan sempurna dan sangat baik.

Ibnu Khaldun menyatakan "kami perhatikan terdapat ramai dalam kalangan guru yang ada pada zaman kami, bahawa mereka ini tidak mengetahui bagaimana kaedah pengajaan yang sesuai untuk di laksanakan dalam pengajaran dan faedahnya". Hal ini kerana, di awal peringkat pengajaran dan pembelajaran dalam kelas guru memulakan pengajaran dengan permasalahan yang agak susah untuk para pelajar memahaminya. Bahkan, terdapat ramai guru yang telah merumitkan keadaan semasa proses pengajaran dan seterusnya menyebabkan pelajar tersebut merasa terbeban dan akhirnya pelajar tidak dapat menerima segala ilmu yang disampaikan kepadanya. Justeru itu, kaedah pengajaran yang baik adalah yang mempunyai kaedah dan strategi yang tersusun serta objektif yang tepat dan boleh dicapai. Di samping itu, matlamat yang hendak dituju juga mestilah terang dan jelas (Akmariah Mamat, 2010).

1.2 Latar belakang kajian

Tidak dapat diselindung lagi bahawa aspek kebimbingan kerohanian yang meliputi pengajian ilmu berasaskan agama Islam (Fardhu Ain dan Fardu Kifayah) sangat penting

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dititikberatkan oleh semua pihak untuk mengukuhkan dan mendalami secara keseluruhan berkenaan kefahaman mereka mengenai ajaran Islam dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Oleh itu, JAKIM menyediakan KAFA untuk seluruh negeri melaksanakannya di daerah masing-masing.

Pelaksanaan KAFA ialah antara satu kaedah untuk mendidik dan kemenjadian pelajar-pelajar ke arah membentuk fitrah manusia selaras dengan kehendak al-Quran dan as-Sunnah. Manakala, matlamat KAFA pula adalah untuk menolong memperkukuhkan lagi dasar-dasar pembelajaran al-Quran dan pendidikan Islam yang telah diajar di kebanyakan sekolah rendah kebangsaan. Hal ini selari dengan matlamat Kurikulum Pendidikan Islam (KPM), yang mana matlamatnya adalah untuk menghubungkan antara teori dan praktis, yang mana pelajar bukan sahaja perlu berketerampilan dalam bidang akademik namun, perlu juga dalam amalan dan penghayatannya di sekolah (Bani Hidayat bin Mohd Shafie, 2018).

Walaubagaimanapun, guru-guru yang dipertanggungjawabkan untuk mengajar kelas KAFA sangat wajib memahami dan mendalami secara menyeluruh mengenai falsafah, konsep, objektif dan matlamat Pendidikan Islam. Hal ini supaya boleh melahirkan para pelajar yang cemerlang selari dengan matlamat yang mahu dicapai oleh jawatankuasa penasihat penubuhan KAFA. Guru KAFA yang melaksanakan kelas KAFA juga perlu menerapkan di dalam jiwa mereka bahawa, ini adalah satu kewajipan bagi mereka, yang mana mereka ini perlu memantapkan ilmu pengetahun yang berkaitan silibus pelajaran, beramal dengan ilmu dalam kehidupan seharian, dan juga ilmu pendidikan. Hal ini supaya mereka mudah melaksanakan kewajipan mereka sebagai guru KAFA. Walaubagaimanapun, yang menjadi satu kepentingan sebagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seorang guru KAFA adalah sebelum memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran, perlulah menyiapkan dan mendalami ilmu keguruan daripada sudut mental dan fizikal.

Kehebatan KAFA adalah aplikasi yang berteraskan sepenuhnya kepada pemantapan asas mata pelajaran latihan Islam, yang memfokuskan kepada kebolehan membaca al-Quran dan asas fardhu ain. Malah, pelaksanaan KAFA juga merupakan usaha kronik melalui semua acara untuk melatih dan membentuk para pelajar agar berkembang menjadi pelajar Islam yang pastinya hasil tarbiah al-Quran dan as-Sunnah (JAKIM, 2020).

Pelaksanaan KAFA diletakkan di bawah JAKIM adalah merupakan satu usaha yang gigih yang dirangka khas bertujuan untuk memperkukuhkan lagi pendidikan Islam di kalangan pelajar-pelajar. Hal ini kerana, ia perlu bermula dari sekolah rendah lagi. Program KAFA yang dilaksanakan ini telah memberi penekanan yang mendalam kepada pendidikan al-Quran dan juga asas-asas Fardu Ain. (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2011).

Bahkan, ia juga adalah tujuan JAKIM untuk melihat para pelajar yang merupakan hasil akhir pendidikan KAFA menjadi pelajar yang betul-betul sebagai individu yang dicirikan seperti yang disebut dengan al-Quran dan al-Sunnah. Hal ini kerana, pelajar sebegini yang akan membantu dan mengekalkan kerja-kerja dakwah dan akan mengembangkan syiar Islam di Malaysia suatu masa nanti. (Hafizul Rasdi, 2013)

KAFA adalah satu perisian yang sangat mengagumkan yang menekankan dan lebih mendalami secara menyeluruh skop subjek dalam pendidikan Islam, seperti mata

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajaran Ibadah, Sirah, Jawi, Adab dan akhlak, bahasa Arab, al-Quran, dan Akidah. Penekanan yang menyeluruh ini ditumpukan kepada murid-murid Islam dalam linkungan 7 tahun hingga 12 tahun. Di samping itu, Matlamat Pendidikan Islam KAFA yang sering dijadikan panduan adalah untuk menyediakan pelajar yang berilmu, amanah, berketrampilan, bertakwa dan berakhlak mulia berpandukan al-Quran dan as-Sunnah dan seterusnya mampu melahirkan insan yang bertaqwa daripada sudut rohani dan jasmani (Bani Hidayat, 2016).

Bahkan, dalam mengejar niat tersebut banyak perkara yang perlu dilakukan dan ia bergantung kepada perlaksanaannya yang ampuh untuk membentuk watak, sahsiah dan akhlak pelajar. Kelas KAFA ini seharusnya minima sebanyak 36 jam dalam masa sebulan, dan tertakluk pada jadual daerah masing-masing (JAKIM, 2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malah, sesi pengajaran dan pembelajaran dalam KAFA ialah bermula jam 2.30 petang hingga 5.30 petang tertakluk pada jadual waktu sekolah yang di tetapkan oleh setiap daerah. Murid- murid yang terlibat di dalam pelaksanaan program ini ialah daripada murid tahun satu (1) hingga murid tahun enam (6). Bagi murid tahun lima (5), mereka akan menduduki peperiksaan besar iaitu Ujian Penilaian Peperiksaan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (UPKK) pada hujung tahun dan akan di lakukan di setiap daerah masing-masing. Manakala, bagi murid tahun 6 pula, mereka akan menduduki peperiksaan besar iaitu Sijil Rendah Agama Rakyat (SRAI) untuk membolehkan dan memudahkan mereka menyambung pelajaran ke sekolah menengah agama kebangsaan. Peperiksaan besar yang dilaksanakan di dalam program KAFA ini hanyalah bertujuan untuk menguji tahap kefahaman apa yang dipelajari di sekolah dan melihat kebolehan pencapaian mereka dalam mata pelajaran yang mereka boleh skor. Malah, kertas soalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bagi peperiksaan ini, telah digubal dan di ukur mengikut sukatan silibus oleh pihak JAKIM.

Di samping itu, objektif penubuhan program KAFA adalah, bagi mewujudkan suatu sistem sistematik kelas pengajian al-Quran dan Fardu Ain yang kemas, seragam, tersusun dan bersepadu di seluruh Malaysia. Malah, ia juga untuk memastikan semua kanak-kanak Islam berumur tujuh (7) hingga dua belas (12) tahun di Malaysia boleh membuat penyelidikan dengan lebih intensiti dan boleh menguasai bacaan al-Quran dengan baik (JAKIM, 2006).

1.3 Pernyataan Masalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Ruzaimah Zainol Abidin (2017) dalam kajiannya iaitu permasalahan dalam perlaksanaan program Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di daerah Pendang Kedah ada menyatakan bahawa masalah-masalah yang selalu terjadi dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran KAFA adalah dari sudut peruntukan masa yang terhad, kekurangan para pengajar yang mahir dalam bidang KAFA dan berpengalaman serta keterlibatan tenaga pengajar bukan pengkhususan yang dilihat adalah penyebab yang signifikan kepada masalah program KAFA ini kurang berjaya. Justeru itu, pada dasarnya seorang guru itu sangat perlu mendalami ilmu pedagogi Pendidikan. Oleh itu, seorang guru perlu mengetahui beberapa kaedah mengajar dan mendidik sebelum menjadi seorang guru (Azhar, 2007).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, antara faktor-faktor kelemahan yang wujud dalam KAFA adalah berpunca daripada kebanyakan guru KAFA adalah kurang diberi kelas pengkhususan oleh JAIPk. Kebanyakan guru KAFA mempunyai kelulusan Sijil Penilaian Menengah (SPM) sahaja, dan ini menyukarkan mereka menguasai kemahiran pendidikan. Namun begitu, menurut Mohammad (2019), dalam kajian trait personaliti guru Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) dalam pembentukan akhlak murid ada menyatakan bahawa guru KAFA yang hadir mengikuti latihan kemahiran pendidikan tidak mengamal dan praktikkan sepenuhnya kemahiran yang diajar dan latihan yang diberikan. Hal ini menyebabkan kemahiran pengajaran guru masih di tahap rendah.

Terdapat juga beberapa perkara isu yang wujud dari sudut kekurangan tenaga mengajar yang pakar dan berpengalaman dalam bidang pendidikan. Kebanyakan guru KAFA tidak mahir dan tidak lagi menguasai kurikulum KAFA terutamanya dalam mata pelajaran Bahasa Arab, Jawi, Kefahaman Ayat dan Ilmu Tajwid. Apabila para guru belum mengusai dan tidak mahir subjek yang diajar, maka maklumat yang disampaikan akan menyebabkan sukar difahami oleh murid-murid. Hal ini disebabkan oleh kaedah penyampaikan ilmu kurang berkesan lalu mengakibatkan proses pengajaran dan pembelajaran terbantut serta gagal dalam beberapa subjek tersebut (Bani Hidayat, 2018).

Masalah- masalah yang wujud di dalam program ini telah menarik minat pengkaji untuk membuat penilaian secara umum dan khusus terhadap pelaksanaan KAFA di daerah ini. Masalah utama yang dapat dikemukakan dalam program KAFA ialah peruntukan waktu pengajaran dan pembelajaran yang terhad (Bani Hidayat, 2018). Bahkan, penyelerasan kelas KAFA masih tidak dapat diseragamkan lagi dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

waktu pengajaran. Hal ini kerana wujud sebilangan negeri menggunapakai 3 hari dan 3 jam waktu pengajaran KAFA. Namun begitu, bagi negeri lain ada yang mengamalkan 5 hari dan 3 jam waktu pengajaran (Mohd Aderi, 2019).

Bahkan, permasalahan yang wujud dalam pengurusan pengajaran juga memberi kesan yang positif dalam mencapai objektif KAFA, seperti tiada kawalan tertentu bagi mengenalpasti samaada guru mematuhi waktu yang ditetapkan untuk masuk dan keluar kelas, dan untuk memastikan cara pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan mudah. Namun begitu, apabila tiada kawalan atau mekanisme ketetapan waktu guru dibenarkan masuk dan keluar kelas maka akan menyebabkan wujudnya sebilangan kecil guru-guru yang akan mengambil kesempatan terhadap kekangan ini dengan melengah-lengahkan waktu sesi pengajaran dan pembelajaran bermula. Seperti yang diketahui pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memberi saranan untuk melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran yang dapat berlangsung dengan baik. Justeru itu, pengkaji menghubungkaitkan bahawasanya guru-guru KAFA juga tidak seharusnya berbuat sedemikian (Raedah, 2013).

Sehubungan dengan itu, sudut kaedah pengajaran guru yang tidak relevan juga menjadi satu pemasalahan pada masa kini (Ruzaimah Zainol Abidin, 2017). Masalah disiplin adalah terjadi disebabkan oleh punca guru itu sendiri. Kaedah dan pendekatan pengajaran yang sering diguna pakai oleh para guru yang tidak membuat minat pelajar tertarik atau tidak relevan digunakan mengikut keadaan. Terdapat guru yang lemah dalam menyesuaikan untuk digunakan kaedah atau strategi dalam pengajaran yang sesuai. Oleh itu, kesannya pelajar mudah menjadi bosan, menimbulkan masalah disiplin dan tidak menumpukan perhatian. (Mohammad Aziz, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru itu, guru perlu bijak dan wujudkan suatu hubung kait atau persamaan di antara guru dan pelajar. Ini supaya wujud interaksi dan seterusnya pelajar tertarik untuk melibatkan diri ketika sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berlangsung. Kini, masih terdapat lagi guru yang masih mengunakan pengajaran tradisi seperti masuk ke kelas dan duduk di atas kerusi sambil mengajar tanpa ada tindak balas daripada murid. Hal ini menyebabkan, murid-murid bosan dan kurang minat dalam sesi pembelajaran tersebut, malah dengan waktu sesi pengajaran pada waktu petang menyebabkan pelajar ingin ponteng sekolah (Bani Hidayat, 2018).

Sehubungan dengan itu, dalam pengurusan pengajaran terdapat guru-guru yang masih lagi tidak mengguna pakai alat tambahan bantuan ketika mengajar. Hal ini telah mengakibatkan pelajar kurang perhatian ketika sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Oleh itu, sangat penting menggunakan bahan bantuan mengajar bagi memastikan murid-murid tertarik dan sebagai pemudahcara untuk pelajar mudah faham perkara yang hendak disampaikan oleh guru tersebut dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Namun begitu, kebanyakan Sekolah Agama Rakyat (SAR) tiada peruntukan dan tiada kelengkapan bahan bantu mengajar (Bani Hidayat, 2018).

Di samping itu, menurut Raedah Binti Md Amin (2013) yang mengatakan bahawa terdapat penilaian untuk pengurusan pengajaran dan pembelajaran yang mana ia telah dilakukan oleh pentadbir secara menyeluruh. Contohnya, kita boleh lihat seorang guru itu akan dinilai dan dicerap melalui buku Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Pentadbir akan menilai guru-guru secara menyeluruh melalui beberapa aspek iaitu daripada sudut pedagogi, teknik pendekatan, teknik pengajaran, tindakan susulan dan buku rekod pengajaran dan pembelajaran. Walaupun begitu, terdapat segelintir

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pentadbir yang tidak memenuhi dan melakukan secara menyeluruh, yang mana mereka hanya meneliti daripada satu sudut sahaja yang tidak memenuhi kriteria-kriteria di atas. Sebagai contoh pentadbir tidak lagi melihat impak pengajaran dan pembelajaran guru dan tidak memberikan arahan apabila guru telah dinilai. Hal ini mengakibatkan setiap kelemahan yang ada pada guru ketika proses PDP tidak boleh diperbaiki serta diperbaharui. Seterusnya guru tidak melakukan perubahan dan sentiasa dengan teknik yang kurang berkesan.

Akhir sekali, penilaian keberkesanan guru dalam pengajaran dan pembelajaran program KAFA masih berada di tahap rendah dan masih tidak menepati garisan matlamat bagi sekolah-sekolah di bawah KPM dan KAFA untuk mengukuhkan lagi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Namun begitu, boleh dipersoalkan khususnya daripada aspek pelaksanaan strategi, kaedah pengajaran, profesionalisme dan bahan bantu mengajar (BBM) yang mana ia banyak terjadi di sekolah-sekolah sebagaimana yang ditunjukkan oleh pelbagai dapatan kajian yang berterusan sejak tahun 1994 sehingga 2017 daripada pelbagai institusi dan penyelidik menunjukkan bahawa tahap pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru KAFA dan pelajar masih di tahap minima. Oleh itu, pengkaji ingin menjalankan kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji kaedah guru KAFA terhadap pengajaran di dalam bilik darjah dan pengurusan pengajaran guru KAFA.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini di jalankan adalah bertujuan untuk mengkaji kaedah guru KAFA terhadap pengajaran di dalam bilik darjah. Bahkan, pengkaji ingin menilai tahap profesionalisme dan hubungannya dengan kaedah pengajaran guru KAFA di sekolah-sekolah negeri Perak. Selain itu, pengkaji juga ingin melihat tahap perbezaan antara pengajaran guru KAFA berdasarkan demografi.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian yang dibincangkan dalam kajian ini adalah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Mengenalpasti tahap kaedah pengajaran guru KAFA
ii. Mengenalpasti tahap pengurusan pengajaran dalam KAFA.
iii. Mengenalpasti perbezaan kaedah pengajaran berdasarkan jantina dan kelulusan akademik.
iv. Mengenalpasti perbezaan pengurusan pengajaran guru berdasarkan jantina dan kelulusan akademik.
v. Mengenalpasti hubungan antara kaedah pengajaran guru dengan pengurusan pengajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang dibincangkan dalam kajian ini adalah:

i. Apakah tahap kaedah pengajaran guru KAFA.
ii. Apakah tahap pengurusan pengajaran dalam KAFA.
iii. Adakah terdapat perbezaan kaedah pengajaran guru berdasarkan jantina dan kelulusan akademik.
iv. Adakah terdapat perbezaan pengurusan pengajaran guru berdasarkan jantina dan kelulusan akademik.
v. Adakah terdapat hubungan antara kaedah pengajaran guru dengan pengurusan pengajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis dalam kajian ini adalah:

Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kaedah pengajaran guru berdasarkan jantina.

Ho2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kaedah pengajaran guru berdasarkan kelulusan akademik.

Ho3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pengurusan pengajaran berdasarkan jantina.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ho4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pengurusan pengajaran guru berdasarkan kelulusan akademik.

Ho5 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kaedah pengajaran guru dengan pengurusan pengajaran.


1.8 Kerangka Teori Kajian

Kerangka teori ini dibina berasaskan kerangka teori daripada Ibnu Khaldun yang memberi gambaran bahawa terdapat pelbagai kaedah pengajaran yang boleh guru KAFA gunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di kelas. Bahkan, guru boleh merangsang keadaan situasi pengajaran dan pembelajaran yang aktif dengan membawa pengalaman serta pengetahuan sedia ada pelajar dalam pembelajaran. Bahkan, para pelajar boleh menambah maklumat yang sedia ada dengan berkongsi ilmu dan pengalaman apabila berlangsungnya sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Justeru itu, susasana pengajaran dan pembelajaran seperti ini dapat memberi kesan yang baik dan positif kepada pelajar.

Terdapat 5 kaedah yang digunakan di dalam model kaedah pengajaran menurut Ibnu Khaldun untuk kajian ini iaitu *al-tikrar* atau pengulangan, *al-tajribah* atau percubaan, peniruan (*muhakah* atau *taklid*), pengajaran secara berperingkat dan beransur-ansur (*tadrij*), dan pandang dengar (*talqin*) (Yusri, 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




Rajah 1.1. Teori Kaedah Pengajaran Menurut Ibnu Khaldun (Yusri, 2017)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.2. Kerangka Konseptual (Raedah, 2013).

Penyelidik merasakan bahawa setiap keberhasilan kemenjadian murid adalah berkait rapat dengan kaedah pengajaran guru yang digunakan dan pengurusan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengajaran yang tersusun. Justeru itu, penyelidik merangka dengan mengambil pendekatan daripada kaedah Ibnu Khaldun yang mana ia telah menyatakan dalam karyanya berkaitan kaedah yang harus digunakan oleh guru-guru dalam pendidikan Bahasa Arab. Namun begitu, beliau tidak mendiskusi kaedah-kaedah secara am nya dalam sesuatu disiplin ilmu. Walaubagaimanapun, antara kaedah yang boleh dipraktikkan dalam pengajaran dan pembelajaran adalah *al-tikrar, al-tajribah, muhakah* atau *taklid, tadrij* serta *talqin*. (Mohd Zahirwan, 2017)

Secara amnya pengurusan diterjemahkan sebagai satu seni untuk melaksanakan proses kerja yang terancang serta dilaksanakan dengan tersusun dan sistematik, serta meliputi garis panduan tertentu. Hal ini bermaksud sesuatu tugas itu boleh dilaksanakan dengan jayanya melalui pengurusan. Hal ini kerana pengurusan adalah satu budaya yang tersusun dalam melaksanakan bidang tugas individu sesebuah organisasi (Raedah Md Amin, 2013).

Justeru itu, penulis menyenaraikan beberapa skop pengurusan pengajaran dengan lebih terperinci dan berkait rapat dengan individu guru tersebut dalam menyempurnakan tugasan harian sewaktu persekolahan. Antaranya, setiap guru tersebut perlu membuat persediaan rancangan kerja harian sebelum memulakan tugasan mengajar. Guru juga perlu menentukan objektif atau hasil pelajaran sebelum dan selepas memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, guru perlu mengenalpasti sumber pengajaran dan pembelajaran yang ingin diambil sebagai rujukan dan pengetahuan. Di samping itu, rancangan dan pelaksanaan pelajaran perlu diteliti oleh guru dengan terancang supaya proses sesi pengajaran dan pelajaran dapat di hasilkan dengan berkesan. Akhir sekali, guru perlu membuat kaedah penilaian untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengajaran dan pembelajaran supaya guru dapat mengenalpasti samaada pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan kepada murid dapat diterima dengan baik.

1.10 Kepentingan Kajian

Melalui pandangan ini, pengkaji berharap dapat memberi sumbangan kepada pihak yang terlibat sekali gus dalam menangani KAFA. Dapatan kajian ini diramal memberi kelebihan kepada pihak yang positif yang merangkumi bahagian Pendidikan cawangan Jabatan agama Islam Perak, di samping tenaga pengajar KAFA.

a) Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil kajian ini dijangka dapat memberikan sedikit gambaran mengenai proses amalan pengajaran guru KAFA di negeri Perak serta menyatakan kekuatan dan kelemahan di dalam program ini. Seterusnya diharap pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dapat memberikan panduan dan kaedah pengajaran program KAFA yang sebaiknya. Hal ini supaya, pihak bahagian pendidikan JAIPk dapat mengenalpasti pemasalahan yang wujud seterusnya dapat memperbaiki dengan memberi penambahbaikan dalam KAFA.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b) Guru-guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA).

Justeru itu, hasil kajian ini dapat membantu dan memberi kepentingan pada guru KAFA iaitu sebagai panduan untuk meningkatkan tahap kompetensi dan profesionalisme guru KAFA.

1.11 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, fokus kajian menjurus ke arah penambahbaikan pelaksanaan kelas agama fardu ain di beberapa daerah tertentu. Penyelidikan ini adalah sebuah kajian yang melibatkan penilaian prosedur bimbingan dan penguasaan dalam aplikasi KAFA, yang dijalankan di Sekolah-Sekolah Agama Rakyat Negeri Perak, daerah Batang Padang dan Muallim. Terdapat Sekolah-Sekolah di Daerah Muallim dan Batang Padang yang beroperasi di bangunan sekolah sendiri yang disediakan oleh pihak sekolah ataupun di laksanakan dengan menumpang bangunan atau surau-surau yang di sediakan. Kajian ini terbatas untuk perkara-perkara sedemikian antaranya ialah, kajian ini hanya tertumpu kepada guru-guru yang mengajar dan melaksanakan KAFA sahaja di Sekolah-Sekolah Rendah Agama Rakyat di daerah Muallim dan Batang Padang, di Negeri Perak. Pengkaji memilih 80 responden yang terdiri daripada sekolah sekitar daerah Batang Padang dan 80 orang lagi daripada sekitar sekolah daerah Muallim.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.12 Defini Operasi Kajian

1.12.1 Kaedah Pengajaran

Menurut Azizi Yahaya (2010), kaedah pengajaran merupakan satu cara mendekati objektif pengajaran dengan langkah penyampaian yang tersusun dan peredaran ke arah satu tujuan pengajaran yang telah dirancangkan dengan teratur. Bahkan, pengajaran adalah suatu set induksi yang mana ia dilaksanakan kerana terjadinya proses perubahan struktur kognitif terhadap pengetahuan sebelumnya dalam proses pengajaran. Pengajaran merupakan sesuatu tugasan dan aktiviti yang mana ia diusaha dan dibuat oleh guru dan pelajarnya. Justeru itu, apabila tiada salah satu daripadanya, maka tidak akan terjadi pengajaran. Oleh itu, terjadi beberapa impak daripada pengajaran ini, iaitu wujudnya perubahan antara dalam bentuk implisit mahupun eksplisit.

Dari konteks kajian, kaedah pengajaran ini adalah merujuk berdasarkan kepada kaedah yang telah digunakan oleh guru KAFA daerah Batang Padang dan Muallim sahaja semasa proses pengajaran KAFA.

1.13 Rumusan Bab

Bab satu ini telah menjelaskan dan membincangkan berkenaan latar belakang kajian, permasalahan, objektif kajian dan persoalan kajian. Bahkan, bab ini juga membentangkan berkaitan kerangka kajian yang akan digunakan dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malah, bab ini turut menyatakan tujuan dan kepentingan kajian ini dilaksanakan serta mendefinisikan beberapa definisi konsep dan operasional pemboleh ubah yang terdapat dalam kajian. Hipotesis kajian dibuat berdasarkan dapatan kajian-kajian lepas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

ULASAN KEPUSTAKAAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pendahuluan

Bab dua (2) ini membincangkan secara terperinci berkenaan sorotan berdasarkan kajian dan penelitian pembacaan yang telah dilakukan oleh penyelidik. Perbincangan ini akan menumpukan pada konsep KAFA, model-model yang berkaitan berdasarkan tajuk pengkaji, kaedah pengajaran, pengurusan dalam pengajaran dan kajian lepas. Kajian lepas yang berkaitan telah dijadikan sebagai landasan untuk membantu pengkaji membuat kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Kaedah Pengajaran

Pada dasarnya, KAFA telah di tubuhkan dan di jalankan pada tahun 1989 oleh Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Berdasarkan laporan KAFA (2014) satu (1) mesyuarat oleh Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke lima belas (15) pada 14 Oktober 1986 yang telah dipengerusikan oleh Allahyarham Tuan Ghafar Baba, Timbalan Menteri Malaysia ketika itu telah memutuskan untuk menubuhkan KAFA bagi menyusun dan menyelaras KAFAke seluruh negara. Program KAFA telah mula beroperasi di seluruh negara pada tahun 1990 dengan jumlah pelajar seramai 169,330 orang, 5,979 buah kelas dan 5,830. Sehingga Mac 2017, Murid KAFA adalah seramai 728,393 orang, 5,697 buah kelas dan sejumlah 29,403 orang guru (Aderi, 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kini, KAFA telah menunjukkan peningkatan baik kerana telah berjaya dalam mendidik murid-murid cemerlang dalam matapelajaran Addiniah dan Fardu Ain. Bahkan, hari ini ramai ibu bapa yang telah buka mata bahawa betapa pentingnya untuk memberi didikan anak-anak di sekolah KAFA untuk mendalami ilmu Pendidikan Islam, al-Quran dan syariat Islam dengan lebih terperinci serta praktikal. Kini, objektif KAFA juga telah menjadi dorongan dan bimbingan dalam membentuk kemenjadian murid-murid yang cemerlang.

Definisi umum kaedah pengajaran boleh diringkaskan ialah salah satu aktiviti pengajaran yang terdiri daripada langkah-langkah yang sistematik dan terdapat latihan dan kemahiran yang tersusun dengan baik di dalamnya. Menurut Mohd yusuf Ahmad

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(2000) kaedah membawa maksud suatu perbuatan yang bersistem bagi mencapai objektif pelajaran berdasarkan dengan cara dan penyampaian yang terancang. Secara umumnya, dalam menyampaikan ilmu atau pengetahuan, kaedah pengajaran yang berkesan adalah aspek yang perlu ditekankan untuk memastikan guru dan pelajar sentiasa berinteraksi dan dipengaruhi serta mempengaruhi antara satu sama lain.

Apabila para guru menggunakan kaedah atau pendekatan yang bersesuaian ketika proses pengajaran dan pembelajaran, ia menyebabkan para pelajar mudah untuk mendapatkan kemahiran, ilmu pengetahuan, memupuk minat serta mengubah tingkahlaku pelajar itu sendiri.Walaubagaimanapun setiap penggunaan kaedah atau pendekatan mestilah bersesuaian dengan suasana serta keadaan pengajaran Sharifah Norshah (2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Teori Kaedah Pengajaran Menurut Ibnu Khaldun

2.3.1 Pandang Dengar (*Talqin*)

Guru boleh menyuruh pelajar-pelajar untuk menghafal subjek matapelajaran terlebih awal dahulu. Sebagai contoh dalam subjek mempelajari ilmu al-Quran seumpamanya, pelajar diwajibkan supaya menghafal terlebih dahulu sebelum guru mengajar kandungan yang terkandung dalam al-Quran, hal ini kerana Ibn Khaldūn sangat menitik beratkan pemahaman maksud berbanding hafazan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Muhammad Yusri Yusof Salleh (2017), kaedah ini boleh difahami maksudnya, yang mana guru perlu menyuruh pelajar terlebih dahulu untuk menghafal sesuatu topik atau bab dalam pelajaran. Sebagai contoh, dalam matapelajaran pengajian al-Quran kanak-kanak atau para pelajar mestilah menghafal sepotong ayat dari kandungan al Quran terdahulu sebelum pelajar diajar isi ayat yang tersurat di dalam al-Quran.

2.3.2 Pengajaran Secara Berperingkat dan Beransur-ansur (*Tadrij*)

Menurut pendapat Ibnu Khaldun, terdiri daripada tiga (3) cara pengajaran yang boleh dilakukan oleh guru tersebut berasaskan kaedah pendidikan ini antaranya ialah guru boleh menunjukkan kepada pelajar-pelajar berkaitan terdapat masalah utama dalam cabang ilmu di setiap bab yang tertentu. Malah, guru akan membuat satu pejelasan yang ringkas berkaitan topik tersebut ketika sesi pengajaran berlaku. Hal ini kerana, bagi mengenalpasti tahap persedian pelajar dan kemampuan akalnya untuk menerima setiap input pengajian. Oleh itu, pelajar akan terbiasa diri apabila diajar dengan disiplin ilmu kepadanya. Bahkan, kemudian untuk peringkat yang lebih tinggi seterusnya guru akan mengajar dan memberi penjelasan kepada pelajar dengan begitu mendalam dan menyeluruh. Seterusnya, guru akan mengaitkan satu topik pelajaran mengikut keadaan semasa selaras atau bertentangan dengan topik yang diajar. Justeru itu, daya pemikiran pelajar serta keintelektualan dapat ditingkatkan dengan jayanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.3 Peniruan (*Muhakah* atau *Taklid*)

Muhākah atau *taklīd* juga termasuk dalam lingkungan pendekatan atau kaedah yang berjaya digunakan dalam pengajaran. Dalam erti kata lain, kaedah ini membawa maksud lakon semula atau peniruan. Oleh itu, jika menggunakan pendekatan ini apa-apa yang dilihat oleh pelajar-pelajar melalui pancaindera akan dipindahkan kepada tingkahlaku atau perlakuan kesan daripada maklumat yang diperolehi dan pemerhatiannya. "Kadangkala Allah s.w.t memermudahkan ke atas manusia untuk memperolehi ilmu dalam jarak dan jangka masa yang singkat, iaitu apabila manusia bertaklidkan ibubapa, guru-guru dan orang tua".

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.4 Percubaan *(Al-Tajribah)*

Kaedah ini adalah salah satu kaedah yang penting untuk memindahkan ilmu dan makrifah. Ibn Khaldūn berpendapat percubaan perlu kepada penyaksian dan pengalaman. Hal ini kerana, kedua perkara ini mempunyai kaitan dengan pancaindera. Sebagai penerangan pemerhati tidak boleh memperolehi sesuatu objektif sekiranya ia hanya dibuat dengan perhatian yang mendalam sahaja, namun begitu ia akan berpotensi jika dilakukan dengan percubaan. Apabila dengan percubaan ini, pelajar-pelajar akan mengambil manfaat pengetahuan bahkan ia akan dapat menikmatinya secara langsung. Beliau juga memberi fokus kepada pentingnya menggunakan alat deria, yang mana ia dijadikan asas untuk setiap pengajian terutamanya pengajian yang berbentuk teori serta penyuburan potensi akal dalam pemikiran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.5 Pengulangan *(Al-Tikrar)*

Kadang-kadang dalam suatu keadaan pelajar-pelajar selalu lupa dan tidak boleh memahami input pelajaran dalam huraian pertama atau berikutnya. Oleh itu, guru perlu membuat ulangan kembali topik pelajaran tersebut sehinggalah pelajar ini dapat memahaminya dengan baik. Bahkan, sebaiknya pengulangan tersebut haruslah dibuat sebanyak tiga (3) kali. Hal ini supaya dapat menambahkan lagi kefahaman dan jelas dalam bidang disiplin ilmu yang telah dipelajari. Guru juga disyorkan untuk tidak berganjak kepada topik yang lain selagi mana pelajar tidak faham dan tidak dapat menguasai setiap disiplin ilmu yang telah diajar. Hal ini kerana, setiap ilmu yang pelajar dapat diumpamakan sebagai bebanan. Jika pelajar tersebut belum dapat menguasai isi kandungan satu bab tersebut, dan kemudian mereka diajar pula dengan ilmu lain, kesannya mereka akan terbeban dengan tugasan dan pemahaman ilmu sedikit lalu ditambah pula dengan ilmu yang baru.

Kesimpulannya, berdasarkan teori yang diberikan oleh penulis, dapatlah dikenalpasti dan dikaitkan bahawa guru boleh merangsang keadaan ketika berlangsungnya sesi pengajaran dan pembelajaran yang aktif dan membawa pengalaman serta pengetahuan sedia ada pelajar-pelajar dalam pembelajaran. Bahkan, para pelajar boleh menambah maklumat yang sedia ada dengan berkongsi ilmu dan pengalaman ketika sesi pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung di dalam kelas. Justeru itu, susasana pengajaran dan pembelajaran seperti ini dapat memberi kesan yang positif dan baik kepada pelajar (Kamarul Azmi, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Kaedah Pengajaran Berdasarkan Al-Quran

Dalam sistem pendidikan Islam, pendidik itu harus mendalami kaedah atau strategi yang boleh digunakan ketika mengajar yang boleh dirujuk dalam al-Quran. Bahkan, boleh meniru kaedah yang telah dipraktikkan oleh Rasulullah saw kerana kaedah tersebut merupakan kaedah yang terulung, paling baik dan berkesan ketika pelaksanaan pengajaran dan Pendidikan. Hal ini supaya dapat membentuk kemenjadian dan peribadi manusia yang beragama Islam. Terdapat pelbagai kaedah pengajaran yang digariskan didalam al-Quran dan dilaksanakan oleh Rasulullah saw yang telah digunakan dalam sistem pengajaran dan pembelajaran masa kini antaranya ialah kaedah bacaan, syarahan, berdebat, bercerita dan lain-lain. Justeru itu, pengkaji telah meletakkan beberapa kaedah pengajaran berdasarkan al-quran di dalam bab ini untuk dijadikan sebagai sandaran rujukan:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.1 Kaedah pengajaran berdasarkan penurunan al-Quran kepada Rasulullah dan surah *al-Alaq*

Al-Quran adalah kitab Allah yang bermukjizat yang terjamin kepeliharaannya sehinggalah hari kiamat. Kita sedia maklum bahawa al-Quran adalah sumber rujukan utama umat Islam dalam menyampaikan ilmu kerana didalamnya terkandung pelbagai ilmu yang meliputi aspek keagamaan, sains, teknologi, sejarah dan lain-lain. Di dalam al-Quran juga terdapat metadologi dan pedagogi pendidikan yang boleh kita ambil dan praktikkan. Sebagai contoh, sejak bermulanya al-Quran diturunkan secara berperingkat kepada Rasulullah itu sendiri terdapat kaedah yang boleh kita jadikan dasar dalam sistem pengajaran dan pembelajaran iaitu:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i) **Kaedah *talaqi* dan *musyafahah*** ialah kaedah dimana guru dan pelajar berdepan secara langsung di dalam proses PDP dan menggunakan cara iaitu guru tersebut membacakan sepotong ayat kemudian pelajar tersebut dikehendaki mendengar bacaan tersebut dengan baik (Abd Rahman Abd Ghani 2016). Sebagai contoh, ini telah dipraktikkan oleh malaikat Jibril a.s ketika pertama kali menyampaikan wahyu di Gua Hira dan kemudian Rasulullah s.a.w mengikut bacaan Jibril a.s.

ii) **Kaedah berperingkat-peringkat** ialah Allah menurunkan wahyu kepada Rasulullah s.a.w melalui malaikat Jibril a.s secara beransur-ansur bukannya secara sekaligus. Penurunan melalui kaedah ini memudahkan kefahaman dan ingatan tentang perkara yang dipelajari. Menurut Kamarul Azmi (2007), proses penyampaian pengajaran melalui kaedah ini adalah dengan berperingkat dalam tempoh waktu yang berbeza dan diselangi dengan tempoh bertenang serta tidak meyampaikan banyak perkara dalam satu masa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala dalam surah *Al-Alaq* ayat 1-5 mengandungi dasar-dasar pendidikan Islam iaitu **kaedah bacaan**. Firman Allah SWT yang bermaksud:

> Terjemahan:
>
> Bacalah dengan menyebut nama Tuhanmu yang menciptakan. Dia telah mencipta manusia daripada segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Mulia.Yang mengajar manusia dengan pena. Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.
>
> (Surah Al 'Alaq, 96:1-5)

Kalimah *iqra*' (baca) yang mula dipelajari oleh Rasulullah ketika pertama kali menerima wahyu membawa maksud yang sangat luas seperti belajar, mencari dan mengkaji ilmu (Mohd Aderi, 2015). Menurut beliau lagi bacaan yang diajarkan oleh Jibril a.s kepada Rasulullah s.a.w bukanlah semata-mata bacaan tetapi ilmu yang perlu diikuti dan difahami (Muhd Zaid 2018)

Allah membimbing Rasulnya melalui Jibril, ini secara langsung menunjukkan bahawa setiap proses pembelajaran haruslah ada bimbingan daripada seorang guru. Dalam sistem pendidikan Islam masa kini, dapat dilihat bahwa kaedah yang digunakan dalam PdP adalah berdasarkan kaedah-kaedah yang digariskan didalam al-Quran iaitu kaedah pengajaran yang berpusatkan guru dan murid. Selain itu, kaedah berperingkat-peringkat dapat kita lihat daripada silibus matapelajaran yang diajar mengikut topik yang tertentu dan ada kesinambungannya pada setiap kali waktu pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan (Zakaria Stapa 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.2 Kaedah pengajaran berdasarkan surah *Al-Fatihah*

Surah *Al-Fatihah* adalah surah pertama didalam al-Quran. Sebagai surah yang terletak diawal sekali, sudah tentu surah ini mempunyai banyak keistimewaan antaranya terkandung nilai-nilai pendidikan Islam. Nilai-nilai pendidikan di dalam surah ini merangkumi nilai pendidikan keimanan, pendidikan tentang hukum Islam, pendidikan tentang sejarah dan pendidikan ibadah.

Dari aspek nilai pendidikan keimanan, ayat pertamanya diperkenal dengan sifat tauhid Allah daripada lafaz *ar-Rahman* dan *ar-Rahim* iaitu yang Maha pengasih dan penyayang. Kita juga dikenalkan juga bahawa Allah adalah pemilik seluruh alam ini. Pendidikan keimanan ini menekankan bahawa pentingnya kita mengenal Allah dan mengamati apa jua yang ada dialam ini. Seterusnya kita diperkenalkan dengan konsep pendidikan ibadah yang terkandung dalam ayat yang ke-5 seperti mana firman Allah SWT yang bermaksud:

> Terjemahan :
> Hanya kepada engkaulah kami menyembah dan hanya kepada engkaulah kami mohon pertolongan.
>
> (Surah Al-Fatihah: 5)

Maksud daripada ayat ini, ibadah adalah kepatuhan untuk menjalankan perintah yang Allah suruh dan menjauhi larangan Allah swt. Konsep ibadah sangat luas, ianya meliputi segala aktiviti yang menaikkan martabat manusia dengan tujuan beribadah kepada Allah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam ayat yang ke-6 yang bermaksud "*tunjukkanlah kami jalan yang lurus"* pula merangkumi konsep pendidikan hukum syariah. Hukum-hukum tersebut merupakan peraturan bagi umat Islam dalam menjalani kehidupan. Ajaran tentang hukum agama ini pula dengan kurikulum pendidikan manusia di mana dengan agama, pemikiran manusia lebih rasional bukannya melampui batas.

Akhir sekali, di dalam surah ini menceritakan tentang kisah-kisah sejarah di mana Allah menceritakan bahawa orang yang taat mendapat kenikmatatan dan keredhaanNya. Manakala orang yang sombong, ingkar arahannya mendapat kesesatan dan kemurkaan daripada Allah. Malah, daripada aspek ilmu pedagogi, dalam surah al-Fatihah terdapat:

i) **Pendekatan kaedah bercerita**. Kaedah bercerita adalah merupakan salah satu langkah iaitu dengan menyampaikan isi kandungan pengajaran untuk menyampaikan pengajaran dengan memasukkan mimik muka, intonasi suara, gaya tubuh badan, peralatan tambahan dan imaginasi. Dalam surah ini, Allah swt telah menceritakan kisah para nabi dan orang terdahulu yang mendapat kenikmatan dan kemurkaan Allah (Noornajihan Jaafar 2012).

ii) **Kaedah galakan dan ancaman (*targhib* dan *tarhib*).** Kaedah galakan adalah kaedah yang memberi galakan atau ransangan kepada manusia untuk melakukan kebaikan dan bersifat dengan sifat yang mulia berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah manakala kaedah ancaman adalah kaedah menakut-nakutkan orang jahat yang meninggalkan segala suruhan Allah. Di dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Surah ini ada pendekatan kaedah galakan dan ancaman seperti didalam ayat yang ke-7 yang bermaksud:

> Terjemahan:
> "iaitu jalan orang-orang yang telah Engkau beri nikmat kepadanya bukan jalan mereka yang dimurkai dan bukan jalan mereka yang sesat"

2.4.3 Kaedah soal jawab berdasarkan surah *Al –Waqiah*

Di dalam al-Quran banyak ayat yang dapat dipetik bagaimana Allah menggunakan **kaedah pertanyaan** sebelum menjelaskan ayat tersebut. Kaedah soal jawab juga merupakan salah satu kaedah penting yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kaedah soal jawab ini membolehkan pelajar mengeluarkan bakat yang tersembunyi, meningkatkan gaya pemikiran pelajar serta dapat menghidupkan suasana pengajaran dan pembelajaran didalam kelas (Abd Halim Tamuri, 2010). Struktur kaedah dapat dipetik daripada surah *Al- Waqiah* ayat 68-69 sepertimana firman Allah SWT yang bermaksud:

> Maka terangkanlah kepadaKu tentang air yang kamu minum.Kamukah yang menurunkannya dari awan atau kami yang menurunkannya?.
>
> (Surah Al-Waqiah: 68-69)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pertanyaan itu yang dikemukan diikuti dengan penjelasan iaitu dengan jawapan yang tepat. Kaedah ini telah ditunjukkan dalam peristiwa malaikat Jibril datang menyerupai manusia kepada Rasulullah saw lalu bertanyakan kepada baginda berkaitan Islam, Iman dan Ehsan. Bahkan, Jibril A.S bukan hanya datang menanyakan soalan ilmu tetapi tingkah lakunya menunjukkan bahawa betapa pentingnya adab ketika menuntut ilmu seperti merendah diri, hormat, dan bergaul mesra dengan guru. Kaedah yang sama juga diikuti oleh Rasulullah saw dalam memberi pendidikan kepada umat islam terutamanya para sahabat yang datang menuntut ilmu dengan baginda.

Oleh itu, ketika pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran para guru hendaklah mengguna pakai kaedah ini untuk menunjukkan interaksi dua hala dan meningkat kefahaman pelajar dalam memahami kandungan pelajaran dengan mengemukakan soalan-soalan yang menambahkan lagi keyakinan ilmu pelajar.

2.4.4 Kaedah pengajaran perbincangan berdasarkan surah *al-Anfal*

Sural *al-Anfal* ayat 67 ada menggariskan **kaedah perbincangan *(musyawarah)*** yang mana di dalam surah tersebut mengisahkan Rasulullah saw dan para sahabat bermusyawarah mengenai masalah tawanan Perang Badar. Saidina Abu Bakar mencadangkan supaya tawanan tersebut dikenakan tebusan manakala Saidina Umar al-Khattab mencadangkan para tawanan tersebut dibunuh. Rasulullah cenderung kepada cadangan saidina Abu Bakar iaitu para tawanan dikenakan wang tebusan untuk membebaskan diri. Sehubungan itu, turunlah wahyu daripada Allah yang menjelaskan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keadaan sebenar dan menegaskan pendapat Umar Al-Khattab. Firman Allah swt yang bermaksud:

> Tidaklah patut, bagi seorang nabi mempunyai tawanab sebelum dia melumpuhkan musuhnya di bumi. Kamu menghendaki harta duniawi sedangkan Allah menghendaki pahala akhirat untukmu Allah Mahaperkasa, Mahabijaksana.
>
> (Surah Al-Anfal: 67)

Perbincangan ialah satu strategi pengajaran berbentuk perbualan dalam kalangan pelajar dibawah pemerhatian dan kawalan guru. Sewaktu perbincangan, semua pelajar di berikan peluang untuk menyuarakan pandangan atau pendapat mereka mengenai sesuatu topik sambil guru memberi pandangan dari perspektif kearah satu pendapat yang menyeluruh.Yang paling penting dalam kaedah ini, semua pandangan haruslah mempunyai konsep dihargai dan menghargai walaupun kadangkala ada pendapat yang tidak disetujui supaya perbincangan berjalan dengan lancar.

Justeru itu, dalam proses pengajaran dan pembelajaran, aktiviti perbincangan haruslah dilaksanakan bertujuan menetapkan penglibatan pelajar, pembentukan tingkah laku yang positif sekaligus membentuk perkembangan individu daripada pelbagai aspek seperti aspek komunikasi, akademik, akhlak dan lain-lain (Mohd Huzairi, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.5 Kaedah pengajaran perdebatan berdasarkan surah *al-Baqarah*

Dari perspektif ilmu pedagogi, di dalam surah *al-Baqarah* ayat 258 ada menggariskan **kaedah perdebatan.** Kaedah perdebatan adalah kaedah yang menekankan kepada kemahiran berfikir dan membina keyakinan yang dalam mengemukan pandangan sepertimana yang telah digariskan didalam al-Quran dan digunakan oleh para nabi dan sahabatnya seterusnya generasi sekarang.

Sebagai contoh di dalam surah *al-Baqarah* ayat 258 ini dengan jelas menceritakan kisah perdebatan di antara Nabi Ibrahim a.s dengan Raja Namrud tentang kekuasaan mutlak Pencipta Alam. Kaedah ini dapat melatih seseorang individu dalam mengemukakan pandangan dalam situasi berdebat dengan cara yang teratur dan menjelaskan kebenaran. Kesan utama daripada penggunaan kaedah ini diantaranya adalah dapat melatih seseorang petah dalam berkata-kata, berkeyakinan tinggi, membentuk kecerdasan otak dalam memikirkan idea yang mantap dan seterusnya membawa hujah –hujah yang komkrit dan logik secara serta merta disamping membuktikan hakikat kebenaran.

Menurut tokoh ilmu Ibn Khaldun, kaedah dan teknik ini adalah satu pendekatan yang baik dan berkesan untuk memperkukuhkan ilmu pengetahuan dan membentuk kemampuan seseorang individu. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, kaedah ini memainkan peranan yang aktif terhadap tindak balas antara guru dan pelajar terhadap sesuatu pembelajaran. Dengan kaedah ini juga, pelajar dapat menilai diri sendiri, menegakkan pendirian masing-masing dengan mencerakinkan ilmu yang diperolehi dan mengemukankannya kepada orang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, di dalam surah *al-Baqarah* ayat 31-33 terdapat **kaedah *talaqi* (ada bimbingan guru) dan berfikir.** Di dalam ayat ini menceritakan Allah SWT membimbing, mengajar dan mendidik Nabi Adam a.s dengan memberitahu semua nama-nama benda sebagai persiapan kehidupan didunia pada masa akan datang. Penggunaan *Asma'* (nama) dalam surah ini menujukkan suatu pendedahan nama-nama benda (ilmu) kepada sesebuah masyarakat. *Asma'* iaitu nama ini juga merupakan ilmu-ilmu yang mengerakkan pemikiran manusia untuk memahami makna dan kegunaan benda-benda di alam ini. Manusia pada awalnya jahil terhadap ilmu pengetahuan, dengan adanya bimbingan daripada Allah yang mengajarkan manusia tentang ilmu pendidikan telah menaikkan martabat manusia daripada makhluk yang lain. Hal ini kerana, kebolehan manusia menerima dan berfikir tentang ilmu yang diperolehi membezakan manusia daripada makhluk yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, didalam sistem pendidikan, tidak dapat tidak haruslah ada bimbingan seseorang guru supaya pelajar dapat mengetahui dan menguasai ilmu yang diperolehi. Sebagai seorang manusia yang mempunyai keupayaan berfikir dan menerima sesuatu ilmu, kita hendaklah sentiasa mempelajari dan meningkatkan ilmu pengetahuan dari masa ke masa supaya kita dapat menguasai sumber-sumber yang terdapat didunia dalam pelbagai aspek.

2.4.6 Kaedah pengajaran pemerhatian daripada surah *Al-Maaidah*

Di dalam al-Quran juga menekankan pendekatan meniru atau mengambil contoh terutama sekali untuk membentuk sifat dan tingkah laku yang baik. Surah al-Maaidah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ayat 27 sehingga ayat 32 ada menggariskan **kaedah mengambil contoh dan juga kaedah pemerhatian.** Sebagai contoh, di dalam surah ini mengisahkan cerita pembunuhan yang berlaku antara kedua putera nabi Adam iaitu Qabil dan Habil.

Dalam surah ini, Qabil menggunakan pendekatan meniru seekor burung gagak untuk mengembumikan Habil selepas membunuhnya. Setelah Habil mati, Qabil menjadi kebingungan bagaimana untuk menguruskan jenazah adiknya. Kemudiaan Allah yang maha bijaksana yang tidak rela melihat mayat seorang hamba yang soleh diperlakukan sebegitu,maka ditunjukkan kepada Qabil bagaimana seekor burung gagak menggali tanah dengan paruh dan kakinya, lalu menolak burung gagak yang telah mati kedalam lubang tanah yang digali dan menimbusnya kembali.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru itu, dalam pembelajaran yang menggunakan pendekatan mengambil contoh atau pemerhatian ini, seseorang guru hendaklah memastikan dirinya mempunyai tingkah laku yang baik dan berpewatakan positif supaya pelajar dapat meniru tindak tanduknya.Segala tindakan yang dilakukan oleh guru mestilah sesuatu contoh yang baik supaya pelajar boleh mengikutinya. Implikasi kaedah mengambil contoh ini bukan sahaja membentuk tingkah laku pelajar bahkan meningkatkan kemahiran dan penguasaan pelajar terhadap sesuatu perkara yang dipelajarinya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.7 Kaedah pengajaran *qudwah hasanah* berdasarkan surah *Al-Imran*

Al-Quran menyaran dan menyuruh orang –orang yang beriman menjadikan Rasulullah s.a.w dan para soleh sebagai teladan atau ikutan dalam menjalani kehidupan seharian sebagai seorang yang soleh sama ada dari segi ibadah, akidah dan akhlak.

Dalam pendidikan akhlak, al-Quran dalam surah *al-Imran* ayat 31 menggariskan **pendekatan kaedah *qudwah hasanah*** dalam mengubah tingkah laku seseorang individu dan masyarakat sepertimana firman Allah yang menyuruhkan kita menjadikan Rasulullah s.a.w sebagai ikutan yang terbaik.

Kaedah *qudwah hasanah* bermaksud contoh teladan yang baik yang boleh diikuti orang lain. *Qudwah* ialah sesuatu keadaan yang boleh diikut oleh orang lain samaada ianya tingkah laku yang baik mahupun buruk, manakala, hasanah ialah contoh yang baik dan sunnah yang bagus.

Sesungguhnya, Rasulullah s.a.w merupakan model ikutan terbaik untuk umat Islam yang sentiasa mengajak kita melakukan segala perintah Allah dan meninggalkan laranganNya. Baginda tidak pernah mengarahkan sesuatu perkara melainkan baginda orang yang pertama melakukannya terlebih dahulu barulah kemudiaannya diikuti oleh para sahabat.

Selain itu, didalam surah ini menunjukkan pendekatan memberi bimbingan secara langsung terutama dalam pendidikan penyucian roh dan jiwa, istiqamah dalam iman dan amal, galakan berdoa, memelihara kehormatan diri, belaku jujur, bersifat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan sikap amanah, sabar, jujur, rendah diri dan menjauhi perkara buruk. Pendekatan ini Rasulullah s.a.w gunakan dalam mendidik para sahabat. Rasulullah s.a.w sentiasa menggunakan segala kesempatan yang sesuai untuk memberi tunjuk ajar, teguran, demonstrasi dan galakan dalam mendidik para sahabat (Sharifah, 2011).

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam, seorang guru mestilah mempunyai keperibadian yang mulia. Ini kerana, keperibadian seorang guru itu memainkan peranan yang amat penting dalam membentuk akhlak tingkah laku yang baik dalam diri pelajar. Oleh itu, sebagai seorang pendidik islam kita mestilah mencontohi keperibadian Rasulullah s.a.w dari segi percakapan, budi pekerti dan perbuatan dalam semua aspek kehidupan (Noraini Mohamad 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.8 Kaedah pengajaran praktikal berdasarkan surah *Al-Ahzab.*

Berdasarkan surah al-Ahzab ayat yang ke 21 menjelaskan bahawa Rasulullah s.aw merupakan contoh ikutan yang terbaik dari segi percakapan, perbuatan dan akhlaknya. Dalam menyampaikan sesuatu yang diperintah Allah, baginda s.a.w akan menunjukkan cara yang betul kepada para sahabat.

Ini bermakna berdasarkan ayat ini, al-Quran ada menggariskan **pendekatan kaedah praktikal dan amalan** yang mana Rasulullah s.a.w mengajar dengan perbuatan, praktikal dan amalan. Kaedah pengajaran ini lebih berkesan berbanding kaedah teori dan penerangan sahaja. Menerusi kaedah ini, guru menyediakan bahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajaran secara langsung dengan menunjukkan prosesnya atau cara melakukan sesuatu (Siti Afifah Munirah 2014).

Sebagai contoh, Rasulullah s.a.w pernah mengajar tentang bagaimana adab menaiki kenderaan kepada kepada Saidina Ali. Dengan tunjuk ajar secara praktikal daripada baginda, saidina Ali kemudiaanya membuat perkara yang sama dalam mengajarkan pula cara tersebut secara lengkap kepada para pelajarnya. Kaedah tindakan dan amalan ini menyebabkan para sahabat mudah memahami dan mengamalkan segala ajaran yang dibawa.

Dalam proses PdP, para pendidik Islam hendaklah menggunakan kaedah tindakan dan amalan ini di samping menggunakan kaedah teori dan penerangan. Dalam kaedah ini, guru boleh menyediakan bahan pengajaran dan menunjukkan cara tersebut secara langsung. Proses pengajaran dan pembelajaran ini mengutamakan pemerhatian pelajar terhadap tindakan guru, kemudian para pelajar mengikutinya pula dengan bimbingan guru seperti guru mengajarkan cara berwudhu'. Kaedah tindakan dan amalan ini dapat memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk berinteraksi, memahami secara langsung dengan isi dan situasi pembelajaran. Mereka akan mendapat pengetahuan, celik akal, kemahiran dan kesimpulan dalam setiap unit pembelajaran yang berkenaan.

Namun begitu, terdapat asas penting dalam menentukan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran iaitu kaedah pengajaran yang digunakan para guru dalam mendidik para pelajar. Ini kerana, melalui pemilihan kaedah dan bahan bantu mengajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang sesuai dapat meningkatkan lagi keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.

Justeru, kaedah pengajaran berdasar al-Quran yang dibincangkan merupakan sebahagian daripada kaedah dan metadologi yang baik dan berkesan dan boleh diguna pakai oleh para pendidik ketika melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Pendidikan merupakan usaha memantapakan pengetahuan, memperbaiki amalan dan perbuatan serta menghayati kembali akhlak dan peribadi mulia yang mana akhirnya membawa kesejahteraan kepada individu terbabit di dunia dan akhirat.

Akhir sekali, pelbagai kaedah mahupun teknik yang boleh digunakan dan praktikan antaranya latihan kemahiran seperti kemahiran pedagogi dan kawalan kelas perlu bagi melahirkan guru yang cekap dalam urusan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Ketika menjalankan sesi Pengajaran dan Pembelajaran, pendekatan yang boleh guru gunakan adalah kaedah lawatan. Kaedah lawatan yang dimaksudkan adalah membuat lawatan atau kunjungan sambil belajar di luar kelas. Kaedah ini sangat bagus untuk di praktikkan kerana ia dapat memberi gambaran yang jelas dan nyata kepada para pelajar terhadap perkara yang dialami dan dilihat. Oleh itu, para pelajar dapat mengamati sesuatu objek dengan jelas di mana objek itu berada dalam situasi yang asli. Sebagai contoh, sebelum memulakan lawatan guru perlu menjelaskan tujuan lawatan dijalankan kepada pelajar, dan menerangkan perkara yang dapat mereka lakukan ketika lawatan itu.

Kemudian, guru-guru perlu menyediakan beberapa soalan yang akan diberikan selepas lawatan. Selepas tamat sahaja sesi lawatan kita boleh memberi peluang kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

para pelajar untuk berkongsi pengalaman masing-masing dan boleh membuat rumusan rumusan berkaitan lawatan yang telah dijalankan dan apakah kesannya, serta mengemukakan soalan kepada pelajar, adakah mereka dapat pengalaman atau dapat pelajari perkara yang baru hasil daripada lawatan tersebut.

Selain itu, antara pendekatan sosiologi dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran ialah kaedah bermain. Seperti yang kita tahu, kanak-kanak ini sifatnya ialah suka bermain. Oleh itu, kaedah ini sangat menarik minat para pelajar untuk memberi sepenuh tumpuan dan perhatian ketika sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung (Jaslinah 2012).

Kaedah ini juga dapat menyuburkan rasa ingin tahu sesuatu perkara dalam diri pelajar dan dapat membentuk nilai-nilai serta konsep yang dipelajari sebentar tadi. Sebagai contoh, sebelum memulakan permainan guru perlu memilih topik mata pelajaran yang sesuai dengan kaedah bermain dan menyediakan alat bantu mengajar (permainan) yang lengkap. Seterusnya guru perlu membahagikan para pelajar kepada beberapa kumpulan dan mengenalpasti kelemahan atau kemampuan setiap individu ketika mereka sedang bermain. Kemudian, selesai sahaja para pelajar bermain guru perlu membetulkan mana-mana kesalahan yang didapati dan memberi nasihat serta tunjuk cara.

Di samping itu, kaedah amali dan demonstrasi juga adalah salah stau pendekatan yang penulis gunakan. Kaedah amali membawa maksud memberi peluang kepada para pelajar untuk berinteraksi dengan isi dan suasana pembelajaran secara berterusan. Oleh itu, para pelajar akan mendapat pengalaman secara langsung dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengetahuan, kemahiran dan pembelajaran. Kaedah amali juga meliputi kaedah demonstrasi, praktikum dan eksperimen. Manakala kaedah demonstrasi pula adalah salah satu cara yang mana perlu menyediakan bahan pelajaran seperti objek, atau proses secara langsung. Hal ini kerana, apabila para pelajar memerhati proses atau objek secara langsung dan dapat membuat kesimpulan bagi topik pelajaran yang berkenaan. Dalam kaedah ini antara keutamaannya adalah eksperimen penyertaan langsung para pelajar (Ghazali 2004).

2.5 Pengurusan Pengajaran

Bidang pengurusan terdiri daripada beberapa elemen penting yang menguasai dalam pendidikan, antaranya ialah pengurusan pengajaran. Bagi insititusi pendidikan, bidang pengurusan adalah suatu bidang yang sangat penting dalam mencapai objektid dan matlamat pendidikan yang sebenar. Apabila bidang pengurusan menjalankan tanggungjawab yang betul maka ia akan memudahkan organisasi sekolah bagi mencapai prestasi yang terbaik daripada sudut akademik pelajar tersebut. Oleh itu, dapat didefinisikan pengurusan pengajaran adalah merupakan suatu proses untuk merancang pengajaran bagi mencapai objektif yang ditentukan dan berdasarkan garis panduan yang betul, memimbing guru dalam mengawal aktiviti dalam dan luar kelas, sebagai penentuan subjek yang akan diajar oleh guru mengikut kemahiran yang tersedia ada, dan melaksanakan pantauan supaya apa yang dirancang ia dapat berjalan dengan baik. Pengurusan pengajaran sangat penting dalam memainkan peranannya, kerana ia dapat memberi impak yang besar dalam meningkatkan prestasi pelajar (Normiati Batjo 2021).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

